

**PRA MESYUARAT PIHAK PEKERJA BIL. 2 TAHUN 2023
PADA 13 Julai 2023 (KHAMIS) 9.00 PAGI – 11.30 PAGI**

SENARAI USUL YANG DIBINCANGKAN DI PERINGKAT PRA MESYUARAT PIHAK PEKERJA

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
1.	Panggilan BOS Untuk Ketua	<p>Ramai dikalangan warga kerja menggunakan perkataan BOS kepada ketua di pejabat. Panggilan bos kepada ketua sebenarnya tidak menunjukkan rasa hormat kepada individu berkenaan sebaliknya ia amalan kurang sopan yang bertentangan dengan budaya Melayu.</p> <p>Penasihat Persatuan Pendidik Bahasa Melayu Malaysia (PPBMM) Prof Emeritus Abdullah Hassan berkata, menggunakan panggilan bos terhadap ketua semakin meluas dan membimbangkan kini.</p> <p>“Panggilan bos adalah perkataan main-main yang sebenarnya tiada langsung erti hormat seperti yang digunakan dalam filem lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee untuk bergurau dengan ketuanya.”</p> <p>Adalah lebih manis atau berbudi bahasa sekiranya panggilan itu ditukarkan dengan menggunakan panggilan Tuan untuk ketua lelaki atau Puan untuk wanita.</p>	Cadangan agar Pihak Pengurusan dapat mengeluarkan satu arahan dalaman kepada warga kerja bagi MEMBIASAKAN YANG BETUL DAN BETULKAN YANG BIASA dengan panggilan BOS kepada ketua.	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Syor – setiap Jabatan mengeluarkan makluman melalui emel berkenaan panggilan atau gelaran yang sesuai digunakan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
2.	Penjenamaan Dan Memperkasakan Surau Di Bangunan BHEUU	<p>Surau di Bangunan BHEUU masih belum mempunyai nama. Diharapkan dapat diberikan nama surau yang sesuai supaya aktiviti surau ini dapat dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan.</p> <p>Perkasakan Surau di bangunan BHEUU supaya dibuat pelantikan:</p> <p>Penaung: KP BHEUU Pengerusi: Timbalan Pengerusi: Setiausaha: Bendahari: AJK-AJK</p>	<p>1) Cadangan diadakan pertandingan memberi nama surau.</p> <p>2) Cadangan untuk buat mesyuarat untuk pelantikan.</p>	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p>
3.	Tatakelakuan Pegawai yang ketawa atau bersebang dengan nada yang kuat hingga mengganggu rakan sekerja yang lain.	<p>Telah menerima rungutan yang mendapati terdapat pegawai yang ketawa atau bersebang dengan nada yang kuat. Ini sangat tidak sopan terutama kepada orang awam yang hadir ke pejabat.</p>	<p>Peringatan dikeluarkan kepada semua warga kerja untuk menjaga tatakelakuan dan keperibadian sebagai penjawat awam.</p>	<p>Usul ini tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023. Isu ini terpencil dan dicadangkan perkara ini dibawa ke perhatian Bahagian/Unit/Seksyen berkenaan agar suatu teguran diberi kepada pegawai berkenaan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
4.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) JBG 2023.	Hanya diberi Sijil Penghargaan kepada individu berkenaan atas alasan Penetapan Sasaran Jabatan/Cawangan tidak tercapai.	APC adalah merujuk kepada pencapaian prestasi secara individu yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang disamping pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan. Sila rujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2012.	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Antara perkara lain yang akan dibangkitkan ialah penetapan kuota dan tempoh perkhidmatan yang melayakkan seorang pegawai diberi APC.</p>
5.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	<p>Terdapat beberapa Penjawat Awam yang telah lama berkhidmat di cawangan masih belum diberi peluang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang walau pun telah berkhidmat lebih 15 tahun tanpa ada sebarang masalah disiplin dan prestasi kerja dan LNPT adalah tinggi dan memuaskan.</p> <p>lanya sedikit sebanyak mengganggu emosi serta motivasi pegawai tersebut yang telah mencurahkan bakti kepada jabatan dan tidak dihargai terutamanya pegawai-pegawai di cawangan Mega yang mempunyai kapasiti penjawatan tertinggi dan bilangan kapasiti fail pentadbiran yang diselia</p>	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di kaji semula dan diberikan secara automatik kepada mana-mana pegawai yang masih belum menerima sebarang penghargaan APC yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun bagi menghargai jasa dan pengorbanan pegawai tersebut serta menaikkan motivasi dan semangat bekerja dengan syarat pegawai tersebut tiada mempunyai apa-apa tindakan tata tertib.	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Antara perkara lain yang akan dibangkitkan ialah penetapan kuota dan tempoh perkhidmatan yang melayakkan seorang pegawai diberi APC.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
6.	<p>Skim perkhidmatan / perjawatan</p> <p>Skim/Gred apa dan bilangan</p>	<p>Penjawatan pegawai dan penambahan kerani diperlukan di Jabatan Insolvensi Malaysia memandangkan terdapat tugas tambahan melalui Rang Undang-undang terkini dan projek ad-hoc yang telah berkuatkuasa dan hasrat YAB Perdana Menteri bagi mengurangkan kes-kes kebangkrapan di Malaysia.</p> <p>Oleh yang demikian, cadangan kertas kerja penambahan jumlah penjawatan di jabatan wajar dikaji semula berdasarkan beban tugas tambahan yang bertambah.</p>	<p>Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.</p>	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023</p> <p>Syor – Isu ini pernah dibincangkan dan diputuskan bahawa Cawangan boleh memohon kepada BKP Ibu Pejabat kebenaran untuk melantik Personal MyStep sebagai Petugas di kaunter.</p> <p>Cawangan dicadangkan untuk memohon kelulusan daripada BKP Ibu Pejabat.</p> <p>Untuk rekod, Mdl Johor Bharu telah menerima kelulusan BKP Ibu Pejabat berhubung perkara ini.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
7.	<p>Skim perkhidmatan / perjawatan</p> <p>Mewujudkan penjawatan Pegawai Khidmat Pelanggan</p>	<p>Penjawatan Pegawai Khidmat Pelanggan perlu di wujudkan terutamanya di cawangan besar yang mempunyai kapasiti jumlah kehadiran pelanggan yang ramai</p> <p>Bagi menangani masalah tersebut pegawai dan kerani perlu bergilir-gilir menjaga kaunter dan mengganggu kerja hakiki.</p>	<p>Mewujudkan penjawatan pegawai Khidmat Pelanggan di cawangan-cawangan yang mempunyai bilangan kehadiran pelanggan yang tinggi.</p>	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023</p> <p>Syor – Isu ini pernah dibincangkan dan diputuskan bahawa Cawangan boleh memohon kepada BKP Ibu Pejabat kebenaran untuk melantik Personal MyStep sebagai Petugas di kaunter.</p> <p>Cawangan dicadangkan untuk memohon kelulusan daripada BKP Ibu Pejabat.</p> <p>Untuk rekod, Mdl Johor Bharu telah menerima kelulusan BKP Ibu Pejabat berhubung perkara ini.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
8.	Kelengkapan pejabat	<p>Keperluan asas kelengkapan pejabat di Mdi Selangor tidak mencukupi untuk menampung keperluan penggunaan 1 mesin fotostat/pengimbas sahaja yang perlu dikongsi di unit Kebankrapan, Likuidasi, Mahkamah dan Mystep anggaran 80 orang staff dalam setiap masa</p> <p>Kekerapan kerosakkan mesin fotostat/pengimbas tersebut kerap berlaku akibat dari penggunaan yang tinggi/kritikal dan apabila kerosakan tersebut berlaku, tempoh pembaikan mengambil masa dan menyebabkan tugas kerja tergendala beberapa hari Selanjutnya, ketiadaan bekalan toner dan drum untuk kegunaan 'printer' dan kerosakkan "printer" yang belum di baik pulih menyebabkan mesin fotostat digunakan sebagai ve kepada printer oleh kakitangan.</p> <p>Isu ini telah pun berada di dalam perhatian KPI</p>	<p>Mohon penambahan mesin photostat di cawangan disegerakan serta diperuntukkan mengikut unit.</p>	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Disyorkan pembekalan dapat disegerakan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
9.	Tugasan SPK-JBG	Kenapa tugas pegawai untuk mengendalikan SPK-JBG seperti untuk mengemaskini dan menutup fail dalam sistem diberi sepenuhnya akses kepada PT/PMS/PTUU sehingga mengganggu kerja-kerja hakiki lain. Tidak wajar melepaskan bebanan kerja yang melampau kepada PT/PMS/PTUU yang perlu mengutamakan tugas hakiki atas kepentingan anakguam jua.	<p>Bebanan kerja yang melampau dan tekanan dari pihak atasan kepada kakitangan sokongan. Bayangkan kalau sesetengah JBG yang kes yang banyak dan perlu dilakukan dengan tempoh masa yang sesuai.</p> <p>Perlu kerjasama yang padu dari semua pihak untuk kebaikan semua pihak dan memahami keadaan kakitangan sokongan yang memerlukan kerja pengoperasian untuk kelancaran bagi anakguam.</p> <p>Perlu kajian yang lebih mendalam dan mengambil serius.</p> <p>Wujudkan operasi 'overtime' kepada kakitangan sokongan sekiranya tugas tersebut perlu dilakukan atau penambahan kakitangan.</p>	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023</p> <p>Syor – perkara ini boleh diselesaikan di peringkat dalaman Jabatan JBG.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
10.	Pusingan Kerja	<p>Pengamalan pusingan kerja di tempat yang sama melebihi 5-10 tahun di tempat sama untuk permohonan pertukaran. Perkataan pertukaran dengan pengganti serentak tidak relevan diamalkan. Sepatutnya Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia mempunyai data pertukaran yang jelas dan dapat menyelesaikan permasalahan kakitangan sokongan membuat pertukaran bukan hanya menetapkan alasan ayat Pertukaran Dengan Pengganti Serentak. Sekiranya Bahagian Sumber Manusia menggunakan perkataan tersebut dianggap sangat tidak membantu demi kebajikan pekerja dan sangat lemah untuk membuat keputusan yang membantu terhadap pekerja yang membuat permohonan pertukaran.</p>	<p>Mewujudkan persekitaran pekerja yang kurang produktif dan suram kerana sentiasa melakukan kerja yang berulang-ulang bayangkan kalau 10 tahun ditempat yang sama.</p> <p>Kesihatan dan kesejahteraan boleh terjejas dan impak negatif.</p> <p>Amalan pusingan kerja dalam kalangan kakitangan sokongan wajar diamalkan dengan lebih efisien dan berkesan apabila ada permohonan pertukaran.</p> <p>Sangat relevan 3-5 tahun untuk dibuat pusingan kerja. Kajian dengan teliti dan mendalam wajar dilakukan di semua lapangan untuk menyelesaikan masalah. Kajian yang mendalam wajar disegerakan.</p>	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Sekiranya permohonan pertukaran dalam Jabatan, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk menentukan atau membenarkan permohonan pertukaran tersebut. Sekiranya melibatkan Ketua Perkhidmatan yang berbeza, Bahagian Khidmat Pengurusan JBG akan mengemukakan permohonan pertukaran tersebut kepada Ketua Perkhidmatan tersebut.</p> <p>Wakil JBG akan maklumkan perkara ini juga kepada pihak Pengurusan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
11.	Hapuskan budaya 'mengarah' semata-mata. Tetapi amalkan budaya memimpin dan pemudahcara dengan berkesan.	Terdapat pegawai yang mengarah semata-mata bukan pemimpin dan tidak membantu dalam menyelesaikan permasalahan dengan lebih cekap dan berkesan. Tambahan pula, membuat sesuatu arahan yang tidak relevan dan tidak perhalusi terlebih dahulu. Terdapat pegawai sengaja membuat tekanan kerja kepada kakitangan bawahan untuk mencari kesilapan dan kesalahan semata-mata. Wujudkan pemimpin yang hebat dan dihormati dan disanjung bukan ditakuti.-	<p>Peningkatan bebanan tugas dan tekanan berlaku dengan kaedah atau amalan tersebut dalam kalangan kakitangan sokongan.</p> <p>Kesihatan mental boleh terjejas dan impak negatif. Melahirkan pekerja yang bersikap negatif. Melahirkan pegawai yang ditakuti bukan dihormati.</p> <p>Tingkatkan pendidikan dan pengetahuan melalui kursus intensif sains sosial terhadap pegawai-pegawai, agar kaedah pergaulan untuk bekerjasama sebagai pemimpin/pembimbing dalam alam pekerjaan yang saling memerlukan di antara satu sama lain wajar dihayati,difahami dan diamalkan. Oleh itu, perubahan dan pendekatan seharusnya lebih berkesan.</p> <p>Kajian dan pemantauan dipihak atasan perlu dilakukan dari masa ke semasa.</p> <p>Kajian penyelidikan dalam skop ini wajar dilakukan segera.</p>	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Syor – ini adalah isu terpencil dan boleh diselesaikan di peringkat dalaman Jabatan.</p> <p>Wakil JBG disyorkan untuk maklumkan perkara ini kepada pihak Pengurusan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
12.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	<p>Kriteria APC bagi JBG.</p> <p>Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012.</p> <p>Terdapat beberapa negeri yang tidak menerima APC.</p>	Garis panduan syarat penerima APC dapat diwujudkan bagi memberi motivasi kepada para kakitangan amnya.	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Antara perkara lain yang akan dibangkitkan ialah penetapan kuota dan tempoh perkhidmatan yang melayakkan seorang pegawai diberi APC.</p>
13.	Pengisian dua (2) Pegawai Undang-undang (PUU) Gred L41/L44 di JBG WPKL	Kekosongan PUU Gred L41/L44 sejak Oktober 2019 (2 tahun) agak menyukarkan urusan pengendalian kes di Mahkamah Tinggi. Tugas ini ditanggung oleh L41 yang akan berpindah keluar JBG WPKL pada 17.7.2023.	Mohon untuk pengisian (2) Waran Penjawatan L41 di JBGWPKL kerana telah tidak diisi terlalu lama.	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Pengisian diperlukan segera kerana kini PUU Gred 41 yang sedia ada akan berpindah keluar pada 17.7.2023.</p> <p>Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
14.	Kebenaran menguruskan anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU)	Masalah kebenaran bagi pengurusan anak OKU bagi menghadiri terapi, penghantaran ke hospital dan sekolah khas.	<p>Diberi kebenaran kepada kakitangan yang mempunyai anak kurang upaya (OKU) menggunakan waktu bekerja untuk menguruskan anak-anak mereka dan termasuk bagi anak-anak kakitangan yang belum didiagnos sebagai Orang Kurang Upaya (UPAYA).</p> <p>Sebagai contoh: Autisme hanya boleh dikesan selepas beberapa sesi rawatan dan pemerhatian oleh pakar perubatan.</p>	Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.
15.	Tuntutan bayaran tempat letak kereta	Kakitangan L29-L38 JBGWPKL yang ke mahkamah perlu membayar tempat letak kereta lebi mahal.	Negeri/Cawangan memberi pas bulanan tempat letak kereta dan mengikut keutamaan kakitangan yang menghadiri kes ke Mahkamah.	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Disyorkan Mdl dan JBG membuat kajian kos parkir kenderaan di persekitaran bangunan Maju Junction. Sekiranya terdapat keperluan untuk membawa isu ini kepada pihak Majikan, hasil kajian boleh dbentangkan dan memohon elaun tuntutan parkir pegawai/kakitangan dikaji semula.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
16.	Kebenaran untuk membuat tuntutan fi tempat meletak kenderaan	Bebanan kewangan untuk membayar fi parking di Wisma Persekutuan, Seremban, Negeri Sembilan. Fi adalah sebanyak RM90.00 sebulan atau RM 4.00 sehari. Staf-staf dari Gred W29 sehingga N11 terpaksa membayar jumlah tersebut, untuk fi meletak kenderaan di sekitar Wisma Persekutuan untuk bekerja yang mana merupakan jumlah yang membebankan. Adakah tuntutan boleh dibuat untuk pembayaran fi tersebut? Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 2011 hanya melibatkan tuntutan oleh pegawai dan bukannya kakitangan. Terdapat kekangan tempat meletak kenderaan di Wisma Persekutuan, Negeri Sembilan. Jumlah tempat meletak kenderaan yang sedikit. Hanya 5 tempat letak kenderaan diberikan kepada setiap Jabatan. Jumlah perjawatan adalah 15.	Dibenarkan untuk dibenarkan tuntutan fi tempat meletak kenderaan atau bajet ditambah bagi tujuan ini. Penambah baikan boleh dibuat kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 2011.	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Disyorkan Mdl dan JBG membuat kajian kos parkir kenderaan di persekitaran bangunan Maju Junction.</p> <p>Sekiranya terdapat keperluan untuk membawa isu ini kepada pihak Majikan, hasil kajian boleh dbentangkan dan memohon elaun tuntutan parkir pegawai/kakitangan dikaji semula.</p>
17.	Pengisian jawatan L29 di JBG Negeri Sembilan	Bebanan kerja yang tinggi berikutan kehadiran klien yang ramai ke JBGNS untuk mendapatkan perkhidmatan. Kekosongan 1 perjawatan L29 di JBGNS sejak 01/01/2023.	Perjawatan kosong tersebut diisi.	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
18.	Elaun untuk pelajar praktikal	Disediakan elaun untuk pelajar pratikal di Jabatan yang menjalani latihan kerana kos yang terpaksa ditanggung oleh pelajar adalah sangat tinggi seperti pembayaran parking dan lain-lain.	Diberikan elaun pelajar yang berpatutan dengan keadaan semasa hari ini seperti kos parking.	Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023. Wakil JBG memaklumkan elaun ada diberi tertakluk peruntukan yang diterima oleh Jabatan.
19.	Penyewaan Mesin Penapis Air	Isu berkaitan dengan penyewaan penapis air yang baharu. Penapis air JBGNS sedia ada telah lama dan menggunakan air botol. Penapis juga sering rosak dan pembaikan dilakukan oleh kakitangan sendiri.	Disediakan mesin penapis air yang baharu seperti Coway dan lain-lain. Ia juga merupakan satu keperluan untuk mendapatkan air minuman dengan mudah terdapat pelbagai suhu panas dan sejuk.	Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023. Wakil JBG memaklumkan perkara ini tindakan pihak Pengurusan.
20.	Pengisian Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N29 di Mdl Kota Kinabalu, Sabah	Kekosongan PPT N29 sejak 15 Oktober 2019 (4 tahun) agak menyukarkan urusan penyeliaan dan kepimpinan dalam jabatan. Tugas ini ditanggung oleh Ketua Pembantu Tadbir Gred N22. Terdapat 55 perjawatan tetap, 1 jawatan kontrak dan 16 <i>personel mystep</i> .	Pengisian segera perlu dibuat agar dapat membantu pengarah mengurus selia serta menangani isu-isu berkaitan pentadbiran pejabat, kepegawaian, dan tatatertib. Ini juga dapat meringankan bebanan tugas di Unit Khidmat Pengurusan yang mana di bawah unit ini terdapat 3 fungsi (pentadbiran dan sumber manusia/kewangan/ aset dan stor). Dengan pengisian PPT N29 dapat menjadi sumber rujukan dengan pengalaman dan pengetahuan pegawai.	Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023. Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
21.	Skim perkhidmatan / perjawatan.	<p>Kekosongan jawatan tidak diisi dalam tempoh masa yang lama menyebabkan beban kerja kepada pegawai yang menanggung tugas ditambah lagi dengan projek ad-hoc yang telah berkuatkuasa selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri bagi mengurangkan kes-kes kebangkrutan di Malaysia.</p> <p>Kekosongan 3 jawatan di Mdl Miri.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Insolvensi L29/L32 2. Pembantu Tadbir (P/O) N19/22 3. Penghantar Notis N11 <p>Masalah: Beban kerja kepada pegawai yang menanggung tugas.</p>	<p>Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.</p>	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
22.	Perkhidmatan Pemangkuhan/ Kenaikan Pangkat Gred apa/ bilangan	Pegawai yang telah lama berkhidmat masih lagi belum dinaikkan gred lebih tinggi dan dalam masa akan bersara tidak lama lagi.	Berharap agar pihak pengurusan dapat memberi perhatian kepada yang telah lama berkhidmat dalam perkhidmatan dan diberi peluang untuk naik ke gred lebih tinggi sebelum bersara.	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Syor – maklumkan kepada pegawai berkenaan sama ada telah menerima pilihan (opsyen) pada tahun 2011 yang mana Gred N1 dan N3 telah ditukarkan kepada Gred N11. Jika telah memilih opsyen tersebut, tempoh TBK 13 tahun yang mana pegawai akan naik pangkat pada tahun 2026.</p> <p>Dicadangkan juga pegawai berkenaan untuk menghubungi Bahagian Khidmat Pengurusan Mdl untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
23.	Kewangan Penangguhan permohonan pemberian awal <i>award</i> wang tunai gantian cuti rehat (GCR) 90 hari bagi pegawai di jabatan/ agensi di bawah JPM tahun 2023	<p>Penangguhan permohonan pemberian awal <i>award</i> wang tunai GCR disebabkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi.</p> <p>Berdasarkan emel Bahagian khidmat Pengurusan bertarikh 24.05.2023 menyatakan bahawa pertimbangan bagi permohonan pemberian awal <i>award</i> wang tunai GCR Tahun 2023 akan diberi keutamaan kepada pegawai yang telah memohon pada tahun 2022 disebabkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Manakala bagi permohonan baharu (bagi pegawai tidak pernah mengemukakan permohonan pada tahun 2022) bagi pemberian awal <i>award</i> wang tunai GCR tahun 2023 adalah ditangguhkan bagi membolehkan permohonan tertangguh tahun 2022 diproses terlebih dahulu oleh Bahagian Pencen, JPA.</p> <p>Berdasarkan emel tersebut juga menyatakan bahawa Mdl akan dimaklumkan oleh Bahagian Sumber Manusia JPM dari semasa ke semasa sekiranya terdapat baki peruntukan kewangan bagi memproses permohonan baharu pada tahun 2023.</p>	Bagi permohonan yang baharu (yang tidak pernah mengemukakan permohonan pada tahun 2022) dibenarkan untuk mengemukakan permohonan setelah layak syarat-syarat untuk permohonan pemberian awal <i>award</i> wang tunai GCR bagi membolehkan pertambahan peruntukan kewangan baru mengikut jumlah permohonan yang dikemukakan dari semasa ke semasa dan juga bayaran akan diproses mengikut senarai terdahulu (<i>first come first serve basis</i>).	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Usul ini melibatkan polisi Kerajaan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
24.	Tiada Program/ Aktiviti acara Sukan Tahunan Mdl di antara Cawangan atau mengikut Zon	Tiada aktiviti riadah/sukan yang diadakan oleh Jabatan kepada kakitangan. Aktiviti ini akan memberikan faedah kepada pekerja dan dalam masa yang sama dapat mengeratkan hubungan serta kerjasama antara pegawai dan kakitangan di antara Cawangan.	Mencadangkan agar Sukan Tahunan dapat diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun dengan menganjurkan acara sukan-sukan yang bersesuaian kepada kakitangan. Acara sukan ini boleh dibahagikan mengikut zon (Utara, Timur, Selatan, Tengah, Sabah dan Sarawak). Tempoh masa di laksanakan mengikut kesesuaian.	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Usul ini pernah dibincangkan dan diputuskan aktiviti sedemikian di peringkat Jabatan masing-masing kerana melibatkan kos.</p>
25.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	Perlaksanaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kini diberi kepada kakitangan berdasarkan pengiktirafan bilangan bintang bagi sesuatu cawangan. Ada kakitangan yang telah lama berkhidmat di cawangan belum lagi diberi peluang menerima APC sedangkan prestasi kerja dan LNPT adalah tinggi dan memuaskan.	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di kaji semula dan diberi berdasarkan markah LNPT dan prestasi kerja bukan berdasarkan pengiktirafan bintang bagi sesuatu cawangan.	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Antara perkara lain yang akan dibangkitkan ialah penetapan kuota dan tempoh perkhidmatan yang melayakkan seorang pegawai diberi APC.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
26.	Penggantian Pegawai (serentak)	Permasalahan akan timbul sekiranya tempat / jawatan Pegawai yang berpindah / bertukar dibiarkan kosong terlalu lama. Ianya akan mengganggu kelancaran pentadbiran kerana Pegawai lain yang perlu menanggung kerja tersebut.	<p>Penggantian dan penempatan secara serentak lebih baik.</p> <p>Jika pertukaran tersebut melibatkan Pegawai Syariah (PS) / Pen. Pegawai Syariah (PPS), kes-kes di Mahkamah Syariah masih boleh dikendalikan / dihadiri oleh PUU atau PPUU.</p> <p>Sebaliknya jika jawatan PUU/PPUU tidak diganti dengan segera, PS/PPS tidak boleh mengendalikan kes Sivill/Jenayah.</p>	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Pengisian jawatan dapat diisi dengan kadar segera bagi kelancaran operasi jabatan.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
27.	Mesin Perakam Waktu (Punch Card)	<p>Walaupun setiap bulan Laporan kad perakam waktu dihantar ke ibu pejabat, bagaimana pihak ibu pejabat ingin mengesahkan / memastikan bahawa setiap pegawai menetik sendiri kad masing-masing (masuk / keluar) dan keberadaan Pegawai dalam waktu bekerja.</p> <p>Sedia maklum bahawa Kakitangan yang didapati menetik kad perakam waktu orang lain boleh dikenakan tindakan: TATATERTIB sehingga hukuman BUANG KERJA.</p> <p>PEKERJA YANG JUJUR DAN AMANAH</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ TIDAK datang lewat ke pejabat; ✓ TIDAK menetik kad perakam waktu orang lain; ✓ TIDAK memalsukan laporan kehadiran ke pejabat; dan ✓ TIDAK keluar pejabat tanpa kebenaran. <p>Rujukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981 iaitu Sistem Penggunaan Kad Perakam Waktu (<i>Punch Card</i>) di Pejabat-Pejabat Kerajaan. ✓ Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Perlakuan dan Tatatertib) 1993. ✓ URL: https://spotme.mampu.gov.my 	<p>Cadangan saya adalah:</p> <p>Mungkin terdapat kekangan dari segi bajet untuk memperuntukan mesin perakam waktu (<i>thumb print / scan</i> kad kerja) kepada semua cawangan Mdi dan JBG.</p> <p>Jadi pihak BHEUU boleh buat permohonan oleh agensi kepada MAMPU untuk penggunaan Sistem Spot-Me.</p> <p>HURAIAN SISTEM SPOT ME</p> <p>Sistem Pemantauan Operasi Tugas atau SPOT-Me merupakan sistem perakam waktu masuk dan keluar pejabat atau mana-mana lokasi kerja yang diarahkan bagi kakitangan sektor awam. Sistem ini membolehkan rakaman waktu masuk dan keluar dilaksanakan secara dalam talian menerusi pelayar web yang pelbagai.</p> <p>Dengan menggunakan sistem ini juga, pegawai yang berperanan sebagai Penyelia boleh memantau tugas pegawai di bawah seliaannya secara harian.</p>	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Integriti – Terdapat Pegawai dan Kakitangan yang menetik kad perakam waktu pegawai/kakitangan lain.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
28.	Penetapan masa / tarikh berkursus	Walaupun tuntutan semula (<i>claim</i>) boleh dibuat setelah tamat kursus, namun perlu difikirkan juga kos yang perlu dikeluarkan terlebih dahulu oleh peserta (jika perlu menghadiri kursus secara berturut-turut dalam bulan yang sama).	Dicadangkan agar setiap kursus yang akan dianjurkan ditetapkan pada tarikh selepas penerimaan gaji.	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Syor – Wakil JBG akan maklumkan kepada pihak Pengurusan.</p>
29.	Pemasangan <i>Dashcam</i> pada kenderaan jabatan	<p>Secara amnya <i>Dashcam</i> akan bertindak untuk merakam segala perilaku dan kejadian di jalanraya. Ia boleh dijadikan salah satu bahan bukti bagi melihat bagaimana sesuatu kemalangan atau kejadian itu terjadi.</p> <p>Video yang dirakam pula biasanya untuk tujuan pemantauan dan keselamatan. Malang itu tidak berbau, dan kita tidak akan tahu andai kemalangan tersebut berpunca dari kita, atau dari pihak ketiga.</p>	<p>Pemasangan <i>Dashcam</i> juga sedikit sebanyak dapat merekodkan lokasi kenderaan tersebut berada dan jalan yang dilaluinya. Ini juga merupakan <i>back-up</i> tambahan daripada maklumat yang direkodkan dalam buku Log Kenderaan.</p> <p>Ianya juga dapat menjadi perlindungan kepada pemandu dan Pegawai yang menaiki kenderaan jabatan bagi tujuan rasmi memandangkan kenderaan jabatan tidak dilindungi insuran.</p> <p><i>Dashcam</i> juga boleh direkodkan sebagai aset jabatan.</p>	<p>Usul ini akan dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p>

BIL	USUL PEKERJA	PUNCA MASALAH	CADANGAN PENYELESAIAN	KEPUTUSAN/SYOR
30.	Permohonan Keluar Negara	<p>Semua pegawai terutama pegawai yang tinggal di Negeri yang bersempadan dengan Negara jiran (seperti Thailand, Singapura dan Brunei) dibenarkan untuk memohon kebenaran ke luar Negara secara berkala atau kelulusan menyeluruh selama tempoh 1 tahun.</p> <p>Pada masa kini, permohonan keluar Negara secara berkala atau kelulusan menyeluruh hanya dibenarkan kepada Pegawai yang mempunyai alamat saudara mara di sana sedangkan kebanyakan tujuan permohonan adalah untuk rekreasi dan melancong di mana pegawai tidak mempunyai saudara mara di Negara tersebut.</p>	<p>Diberi kelonggaran membuat permohonan keluar Negara tanpa syarat mempunyai alamat saudara mara di Negara yang berkenaan.</p> <p>Disyorkan sistem E-Travel diwujudkan semula.</p>	<p>Tidak dibawa ke MBJ Bil. 2/2023.</p> <p>Syor – Pihak JBG membuat hebahan kepada semua warga JBG untuk pemahaman yang lebih jelas.</p>